

| | | | |
|------------|--------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Tilawah Johan qari,qariah tarik diri | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 15 Apr 2015 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 178,211 |
| Page No | 21 | Readership | 534,633 |
| Language | Malay | ArticleSize | 139 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,828 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,484 |



Tilawah: Johan qari, qariah tarik diri

KUALA LUMPUR 14 April - Kedua-dua juara qari dan qariah yang menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan tahun lalu menarik diri daripada menyertai pertandingan tersebut tahun ini.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha berkata, pihaknya telah menjemput kedua-dua juara itu bertanding sekali lagi pada tahun ini, namun mereka menolak atas sebab-sebab peribadi.

Katanya, penarikan diri qari dan qariah itu menjadikan bilangan peserta Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan tahun ini yang berlangsung dari 20 hingga 25 April ini hanya sebanyak 28 orang sahaja.

"Penganjur majlis tilawah tahun ini telah sebulat suara supaya para peserta wajib membaca al-Quran secara bertarunum dengan dua lagu wajib yang akan ditetapkan oleh juri

dan dua lagu spontan.

"Kaedah itu bertujuan mencabar para peserta dari seluruh negeri supaya mereka mendalamai ilmu taranum di dalam al-Quran, selain menjadi nilai tambah kepada peserta yang berkebolehan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempergerusikan Mesyuarat Pelaksanaan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-58 di Dewan Perdana Syura Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) di sini hari ini.

Mengulas lanjut Othman berkata, 'sebanyak 15 juri berpengalaman menjadi hakim dalam majlis tilawah yang bertemakan Perpaduan Nadi Transformasi Negara dan lima aspek akan diambil kira bagi sesi pemarkahan terhadap para peserta.

Katanya, antara aspek yang akan dilihat adalah kelancaran bacaan (fasohah), hukum tajwid, suara,

persebahaman dan taranum.

Tambah beliau, Jawi yang bertindak selaku tuan rumah berjaya mendapat kerjasama daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk menyumbang separuh daripada hadiah wang tunai kepada para pemenang.

Selain piala dan sijil, juara qari dan qariah masing-masing bakal membawa pulang kereta Proton Preve sumbangan Lembaga Tabung Haji, peluang mengerjakan fardu haji serta RM30,000 iaitu sumbangan kerajaan Persekutuan serta MAIWP.

Seterusnya, naib johan qari dan qariah pula layak membawa pulang RM20,000 manakala tempat ketiga RM15,000 dan masing-masing menerima cenderamata dan sijil penyertaan.

Bagi hadiah sagu hati pula, penganjur menyediakan hadiah RM4,500, cenderamata dan sijil penyertaan.